

06/03/1999

Mahathir ziarah keluarga Clarence

KOTA KINABALU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah petang ini menziarahi jenazah mendiang Datuk Clarence Mansul, bekas Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, di Kampung Terawi, Putatan, di sini. Mansul, 58, yang meninggal dunia akibat sakit jantung di Hospital Kuala Lumpur akan dikebumikan esok.

Perdana Menteri dan Dr Siti Hasmah menemui balu mendiang, Datin Annie Kong, 51, dan anak lelakinya, Benedict Sakunil, 24, yang juga calon Bersekutu di Moyog, dalam pilihan raya negeri kali ini.

Turut hadir ialah Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat; Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok serta timbalannya, Datuk Osu Sukam.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Sakunil berkata bapanya meninggal dunia pada jam 6 petang pada hari penamaan calon Selasa lalu.

"Saya diberitahu Dr Mahathir akan melawat kami hari ini. Kami terharu atas kesudian Perdana Menteri melawat kami," katanya.

Mansul, yang pernah menjadi pemimpin Parti Berjaya, meninggalkan lapan anak dan sembilan cucu. Beliau menjadi timbalan menteri Pusat ketika pemerintahan parti itu di Sabah, antara 1976 hingga 1985.

(END)